

12/08/2002

PM, isteri berduet nyanyikan lagu

IPOH, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menggamatkan Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini, apabila mendendangkan sebuah lagu secara berduet, malam tadi.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berjaya 'dipujuk' menyampaikan sebuah lagu lama ciptaan Seniman Negara, Allahyarham Tan Sri P Ramlee pada majlis makan malam sempena Kejohanan Badminton Piala Perdana 2002 dan Meraikan 21 Tahun Perkhidmatan Dr Mahathir Sebagai Perdana Menteri.

Suasana menjadi gamat apabila Dr Mahathir dan isteri naik ke pentas kerana peluang melihat pemimpin itu menyanyi di khalayak ramai amat jarang terutama berduet dengan Dr Siti Hasmah.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berjaya mendendangkan lagu 'Burung Tempua' dengan baik dan sesekali suara mereka ditenggelami tepukan penonton yang gembira melihat aksi pemimpin negara itu.

Sebelum itu, tetamu dipertontonkan tayangan slid video mengenai sejarah Dr Mahathir termasuk pada zaman remaja dan ketika pemimpin itu melangkah ke alam perkahwinan serta memulakan karier politiknya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah turut memotong tiga kek iaitu iaitu kek ulang tahun perkahwinan dan 21 tahun menjadi Perdana Menteri.